

TAMBAH SUSU

Projek tenusu negeri Kedah realistik membangunkan sektor penternakan

FOTO: AMRAN HAMID



MUKHRIZ dan Ketua Pegawai Eksekutif ADMC, Dominic Antoni melihat lembu tenusu ketika mengadakan lawatan.

Oleh Mohd Sharumnisham

Shahbudin

rencana@hmetro.com.my

Kedah komited menjayakan usaha pembangunan industri tenusu di negeri itu dengan sasaran 2.3 juta liter susu lembu menjelang 2017 iaitu tiga tahun lebih awal berbanding 2.2 juta liter dijangka mampu dihasilkan negeri pada 2020.

Projek usaha sama antara Syarikat ADMC Dairy Farm Sdn Bhd (ADMC) dan Koperasi Penternak Tenusu Negeri Kedah membantu 194 penduduk negeri ini yang menceburri bidang pertanian dan penternakan kecil selain menghasilkan jumlah susu lembu menjelang 2020 kelak.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, penternakan lembu tenusu di bawah Kluster Tenusu Entry Point Project (EPP) 13 dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah projek yang akan membantu usahawan tani yang berkualiti untuk meningkatkan sumber pendapatan mereka.

Beliau berkata, kerajaan negeri mendapati projek tenusu ini adalah projek yang realistik dan selaras dengan rancangan Kerajaan Pusat untuk membangunkan sektor penternakan.

"Pengeluaran susu negeri tahun lalu direkodkan 934,441.4 liter dengan nilai industri RM2.34 juta, sekaligus menyumbang 3.76 peratus kepada pengeluaran susu negara.

"Pengeluaran susu negeri menyumbang 3.76 peratus kepada pengeluaran susu negara. Jumlah ini disumbangkan 2,529 lembu tenusu.

"Melalui projek ini, ADMC akan menambah 500 lembu dan menyumbang hasil tenusu kepada 1,375,000 liter setahun iaitu penambahan 147 peratus kepada pengeluaran susu negeri. Dengan terlaksananya projek ini, ia menghasilkan 2.3 juta liter pada 2017 iaitu tiga tahun lebih awal daripada jangkaan pada 2020.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Koperasi Penternak Tenusu Negeri Kedah dan ADMC di Kampung Paya Mat Inson, Pendang, Kedah, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan

MUKHRIZ dan Ketua Pegawai Eksekutif ADMC, Dominic Antoni melihat lembu tenusu ketika mengadakan lawatan.



MUKHRIZ bergambar bersama pegawai kanan kerajaan dan pengurusan ADMC.

Asas Tani serta Pembangunan Usahawan negeri Datuk Suraya Yaacob dan Pengarah Urusan ADMC Dominic Antoni.

Mukhriz berkata, industri tenusu di Kedah bermula sejak tahun 1970. Pembangunan industri ini membabitkan seluruh daerah di negeri ini kecuali Langkawi.

"Empat Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT) dibangunkan di Ji-

tra, Sungai Petani, Kulim dan Kuala Ketil dan sebuah 'subcentre' di daerah Pokok Sena.

"Projek pembangunan ini juga akan membantu penduduk tempatan menceburkan diri dalam bidang penternakan tanpa sebarang keraguan kerana mendapat perhatian dan sokongan daripada kerajaan," katanya.

Menurutnya, seramai 67 penternak tenusu ter-

babit dalam industri berkenaan yang akan menternak lembu dari kacukan Jersey-Friesien, Friesien Sahiwal dan Friesien dengan baka-baka lain.

"Kadar purata pengeluaran susu ialah 7.95 liter dan pengeluaran per lakasti adalah 2,146.5 liter. Dari segi kualiti susu, negeri Kedah mencapai 60.5 peratus gred AA dan A+ serta 39 peratus A.



"Projek pembangunan ini juga akan membantu penduduk tempatan menceburkan diri dalam bidang penternakan"

Mukhriz Mahathir

"Pada masa kini kadar sara diri pengeluaran susu negeri adalah 1.5 peratus berbanding kadar sara diri negara sebanyak lima peratus.

"Dalam perancangan Rancangan Malaysia Keselaras (RMK- 11), Jabatan

MUKHRIZ menandatangani plak tanda sokongan kerjasama

Veterinar Kedah telah menasarkan pengeluaran susu mencapai 2.2 juta liter menjelang tahun 2020 dengan kadar sara diri 4.4 peratus," katanya.

Mukhriz berkata, untuk mencapai sasaran berkenaan, jabatan memohon peruntukan RM4 juta bagi melaksanakan program pembangunan infrastruktur dan kelonggaran kemudahan ladang, peningkatan pemprosesan dan pemasaran produk tenusu dan latihan kepada pengusaha serta program kawalan penyakit.